

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

### PADU dijangka bantu capai defisit fiskal 3.5 peratus

# PADU dijangka bantu capai defisit fiskal 3.5 peratus

Pelaksanaan beri manfaat limpahan ekonomi secara adil kepada semua rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mahanun Abdul Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) jika berjalan lancar dijangka dapat membantu negara mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.0 peratus hingga 3.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2025.

Menyatakan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata inisiatif PADU antara keutamaan kerajaan dalam memastikan manfaat limpahan ekonomi dapat dirasai secara adil dan saksama oleh segenap rakyat.

Beliau berkata, PADU adalah sebahagian daripada tindakan



Kakitangan Jabatan Perangkaan (kanan) membantu orang ramai mendafur dan mengakses sistem PADU. (Foto BERNAMA)

proaktif serta responsif dilaksanakan kerajaan, sejajar kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

"Inisiatif ini memberi tumpuan kepada usaha untuk mensruktur semula ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan akhirnya memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan lebih berkualiti," katanya pada majlis peluncuran PADU di sini, semalam.

Pelancaran PADU disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rafizi berkata, PADU dipungkarkan melalui kepakaran dalam Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), dengan kerjasama dan sokongan pelbagai kementerian, agensi

serta Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, hasil komitmen dan kesungguhan semua yang terbabit, PADU dapat diwujudkan dalam enam bulan.

"Kejayaan ini bukan mudah untuk dicapai. Terima kasih dan tahniah juga kepada semua yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pembangunan PADU," katanya.

#### Pangkalan data selamat

Rafizi berkata, pembangunan PADU sebahagian usaha ke arah Govtech melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan 'hampir pada masa sebenar' yang membolehkan analitik data yang lebih tepat dibaslikan.

Beliau berkata, PADU juga menyokong tiga aspek utama yang diberi penekanan dalam Govtech ini: perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaktikan rakyat, transformasi kerajaan digital serta sistem kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit.

"Ketersedian PADU akan membantu penggubahan dasar dan proses pembentukan dasar berpendukung data," katanya.